



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PENGETAHUAN DAN AMALAN GURU TERHADAP PENGGUNAAN RUANG LANDSKAP SEKOLAH KEBANGSAAN DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN



05-4506832



AZLIN IRYANI BINTI MOHD NOOR



Perpustakaan Tuanku Bainun



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2006



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PENGETAHUAN DAN AMALAN GURU TERHADAP PENGGUNAAN
RUANG LANDSKAP SEKOLAH KEBANGSAAN DALAM
PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN**

AZLIN IRYANI BINTI MOHD NOOR



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN
BAGI
MEMENUHI SEBAHAGIAN SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(PENDIDIKAN SENI)**

**FAKULTI SENI DAN MUZIK
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2006



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



PENGAKUAN

Saya mengaku desertasi ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya.

22 DISEMBER 2005



AZLIN IRYANI MOHD NOOR
200200661





DECLARATION

I hereby declare that the work in this dissertation is my own accept for
quotation and summaries which have been duly acknowledged

22 DECEMBER 2005

AZLIN IRYANI MOHD NOOR
200200661





PENGHARGAAN

Dengan Nama ALLAH yang maha pemurah lagi maha penyayang
Syukur kehadiran ALLAH kerana dengan limpah kurniaNya dapat disiapkan penulisan
desertasi ini.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada En. Roskang bin Jailani selaku penyelia
yang tidak jemu memberi bimbingan dan tunjuk ajar dan semua pensyarah dan
kakitangan Fakulti Seni dan Muzik, UPSI yang telah memberi sokongan dan kerjasama
sepanjang kajian ini dijalankan.

Terima kasih diucapkan kepada guru-guru yang terlibat dalam menjayakan kajian ini.

Penghargaan istimewa buat suami tercinta yang banyak memberi dorongan dan semangat
dalam proses menyiapkan desertasi ini.

Kepada puteri tersayang Aneesa Najla, kehadiranmu menjadi sumber inspirasi mama.
Jutaan terima kasih diucapkan kepada keluarga tersayang di atas doa dan restu yang
menjadi penguat semangat sepanjang menjalankan kajian ini.

Ribuan terima kasih diucapkan untuk rakan-rakan seperjuangan.
Semoga kita semua berjaya dalam perjuangan ini





PENGETAHUAN DAN AMALAN GURU TERHADAP PENGGUNAAN RUANG LANDSKAP SEKOLAH KEBANGSAAN DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap pengetahuan, amalan dan kesedaran guru-guru menggunakan ruang landskap sekolah dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Kajian ini juga turut melihat kepada kekerapan penggunaan ruang landskap sekolah serta hubungannya dengan pengetahuan guru, kesedaran guru dan amalan guru menggunakan ruang landskap sekolah dalam pengajaran dan pembelajaran. Kajian ini dijalankan secara tinjauan menggunakan kaedah kuantitatif melibatkan empat buah sekolah rendah di sekitar Lembah Klang. Sekolah yang dipilih mewakili populasi kajian terdiri daripada sekolah yang pernah memenangi Pertandingan Keselamatan, Kebersihan dan Keindahan Alam Sekitar (3K) anjuran Bahagian Sekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia dari tahun 1999 hingga 2003. Soal selidik ditadbirkan ke atas sampel kajian yang terdiri daripada 145 orang responden. Penganalisaan data dibuat menggunakan *Statistical Procedures for Social Science* (SPSS) secara statistik deskriptif dan statistik infrensi. Dapatan kajian telah membuktikan bahawa responden menyedari tentang peranan ruang landskap sekolah dalam merangsang perkembangan kognitif dan fizikal kanak-kanak. Hasil tinjauan juga mendapati bahawa pengetahuan responden terhadap kepentingan pembelajaran di ruang landskap sekolah adalah baik. Analisis berkaitan dengan amalan penggunaan ruang landskap sekolah menunjukkan hampir kesemua responden pernah menggunakan ruang luar bilik darjah untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran. Hasil analisis kolerasi menunjukkan (a) tidak terdapat perhubungan yang signifikan di antara pengalaman mengajar dengan pengetahuan guru (b) terdapat perhubungan yang signifikan di antara kelayakkan akademik dengan kesedaran guru (c) tidak terdapat perhubungan di antara pengalaman mengajar guru dengan kesedaran dalam menggunakan ruang landskap sekolah. Memahami secara mendalam mengenai pengetahuan, amalan dan sikap guru menggunakan ruang landskap sekolah dalam proses pengajaran dan pembelajaran adalah satu usaha yang penting bagi memastikan ruang landskap yang selamat, ceria dan bersih akan digunakan oleh guru-guru bagi mengenengahkan pengetahuan baru untuk diterapkan kepada para pelajar. Perancangan aktiviti pembelajaran yang baik serta persekitaran yang menarik akan memberi galakkan atau stimulasi kepada kanak-kanak. Justeru itu, kajian ini diharapkan dapat memberi maklumat yang berguna kepada pihak pengurusan sekolah, guru-guru sekolah rendah, perancang bandar, arkitek dan arkitek landskap dalam memastikan reka bentuk persekitaran sekolah bersesuaian dengan keperluan pengajaran dan pembelajaran.





TEACHER'S KNOWLEDGE AND PRACTICE ON USING THE LANDSCAPE OF PRIMARY SCHOOL IN TEACHING AND LEARNING PROCESS

Abstract

The aim of this study is to determine the teacher's knowledge, practices and awareness on using the school's landscape in teaching and learning process. This study also determines the frequency of using the school's landscape and its relation with teacher's knowledge, awareness and practices in holding teaching and learning process outside the classroom. This study is performing through survey by using quantitative method that involves four primary schools around Klang Valley. The chosen school represent the research population consist of school that had won the "*Pertandingan Keselamatan, Keselamatan dan Keindahan Alam Sekitar (3K)*" that organized by School Department, Ministry of Education from 1999 until 2003. Questionnaires were distribute to research's sample consist of 145 respondents. The data were analyzing using SPSS by descriptive and inferential statistic. The result shows that respondent aware that the using of school's landscape can stimulate the children's cognitive and physical development. The result also shows that respondents have good knowledge of learning outside the class. The analysis of practices using the school's landscape shows almost all respondents once they had carry out teaching and learning process outside the class. The correlation shows (a) no significant relationship between teaching experience and teaching knowledge (b) there are significant relationship between academic qualification and teacher's awareness (c) no relationship between teaching experience and teacher's awareness in using the school's landscape. Deeper understanding of teacher's knowledge, practices and attitude using the school's landscape in teaching and learning process is an important effort to make sure the school landscape is safe, cheerful and clean to be used by teachers in giving new knowledge to students. Good plan of teaching activities and interesting environment will encourage or stimulating the children. Therefore, hopefully this study could give useful information to school management, primary school teachers, town planner, architect and landscape architect in making sure the school environment are design appropriately with the need of teaching and learning.



ISI KANDUNGAN

	Muka Surat
Pengakuan	i
Declaration	ii
Penghargaan	iii
Abstrak	iv
Abstract	v
Isi Kandungan	vi
Senarai Jadual	xi
Senarai Rajah	xii
Bibliografi	96
Lampiran	

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0	Pengenalan	1
1.1	Latar belakang Kajian	4
1.2	Pernyataan Masalah	8
1.3	Objektif Kajian	11
1.3.1	Objektif Umum	11
1.3.2	Objektif Khusus	11
1.4	Persoalan Kajian	12
1.5	Kepentingan Kajian	13

1.6	Definisi Operasional	14
1.6.1	Pengetahuan	15
1.6.2	Kesedaran	15
1.6.3	Ruang Landskap Sekolah	15
1.6.4	Pengajaran dan Pembelajaran	15
1.6.5	Kelayakan Akademik	15
1.6.6	Pengalaman Mengajar	16
1.7	Batasan Kajian	16
1.8	Rumusan	17

BAB 2

KAJIAN LITERITUR

2.0	Pengenalan	18
2.1	Keperluan Persekitaran Berdasarkan Teori Sosio-Budaya Vygotsky	19
2.2	Konsep Pembelajaran Luar Bilik Darjah	21
2.3	Tabiat Pelajar Menggunakan Ruang	25
2.4	Kepentingan Pengajaran dan Pembelajaran Luar Bilik Darjah	26
2.5	Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Guru	29
2.6	Memupuk Rasa Hormat Terhadap Alam Sekitar	31
2.7	Penggunaan Ruang Landskap Sekolah melalui Pendekatan Intergrasi Kurikulum	31
2.8	Pengetahuan Guru Terhadap Penggunaan Ruang Landskap Sekolah dalam P&P	35

2.9	Kesedaran Guru Terhadap Penggunaan Ruang Landskap Sekolah dalam P&P	36
2.10	Kajian Berkaitan P&P di Luar Bilik Darjah	39
2.10.1	Kajian Dalam Negara	39
2.10.2	Kajian Luar Negara	41
2.11	Kerangka Konsep Kajian	42
2.12	Rumusan	45

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.0	Pendahuluan	46
3.1	Reka Bentuk Kajian	47
3.2	Lokasi Kajian	48
3.3	Populasi dan Sampel Kajian	49
3.4	Instrumen Kajian	50
3.4.1	Kandungan Soal Selidik	51
3.4.2	Kaedah Pengumpulan Data	52
3.5	Keesahan dan Kebolehpercayaan Alat Kajian	53
3.5.1	Kajian Rintis	54
3.5.2	Ujian Kebolehpercayaan	54
3.6	Prosedur Kajian	55
3.7	Analisis Data	57
3.8	Rumusan	59

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.0	Pendahuluan	60
4.1	Latar Belakang Responden	61
4.1.1	Analisis Demografi	61
4.1.2	Umur Responden	62
4.1.3	Latar Belakang Pendidikan	63
4.1.4	Pengalaman Mengajar	64
4.2	Analisis Amalan Guru terhadap Penggunaan Ruang Landskap Dalam P&P	65
4.3	Analisis Persoalan Kajian	67
4.3.1	Soalan 1	67
4.3.2	Soalan 2	68
4.3.3	Soalan 3	69
4.3.4	Soalan 4	73
4.3.5	Soalan 5	74
4.3.6	Soalan 6	75
4.4	Rumusan	76

BAB 5

PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.0	Pendahuluan	78
5.1	Ringkasan Kajian	78
5.2	Perbincangan Dapatan Kajian	79
5.2.1	Soalan 1	80
5.2.2	Soalan 2	81
5.2.3	Soalan 3	82
5.2.4	Soalan 4	84
5.2.5	Soalan 5	83
5.2.6	Soalan 6	85
5.3	Rumusan Dapatan Kajian	86
5.4	Cadangan Untuk Amalan	88
5.4.1	Pendekatan Intergrasi Kurikulum	88
5.4.2	Reka bentuk Ruang Landskap Sekolah	89
5.4.3	Pengetahuan, Kesedaran dan Pengajaran Guru.	90
5.5	Cadangan Untuk Kajian Selanjutnya	91
5.6	Rumusan dan Kesimpulan	93

SENARAI JADUAL

No Jadual	Tajuk	
Jadual 3.1	Pecahan Saiz Sampel Mengikut Sekolah	50
Jadual 3.2	Pekala kebolehpercayaan untuk skala-skala dalam soal selidik	55
Jadual 3.3	Penggunaan Kaedah Statistik Kajian	58
Jadual 4.1	Jantina Responden	61
Jadual 4.2	Umur Responden	62
Jadual 4.3	Latar Belakang Pendidikan Responden	63
Jadual 4.4	Pengalaman Kerja Responden	64
Jadual 4.5	Taburan Kekerapan Responden Terhadap Penggunaan Ruang Landskap Sekolah dalam P&P.	66
Jadual 4.6	Skor Tahap Pengetahuan Responden Terhadap Penggunaan Ruang Landskap Sekolah dalam P&P.	68
Jadual 4.7	Taburan Kekerapan Responden Terhadap Penggunaan Ruang Landskap Sekolah dalam P&P	71
Jadual 4.8	Hubungan antara Pengalaman Mengajar dengan Pengetahuan Menggunakan Ruang Landskap Sekolah dalam P&P.	73
Jadual 4.9	Hubungan antara Kelayakan Akademik dengan Kesedaran Menggunakan Ruang Landskap Sekolah dalam P&P.	74
Jadual 4.10	Hubungan antara Pengalaman Mengajar dengan Kesedaran Menggunakan Ruang Landskap Sekolah dalam P&P.	75

SENARAI RAJAH

No Rajah	Tajuk	
Rajah 2.1	Rumusan Teori Perkembangan Budaya Vygotsky	19
Rajah 2.2	Kajian Pemahaman Pelajar sekolah yang dijalankan oleh National Training Laboratories.	28
Rajah 2.3	Kerangka Konsep Kajian	43
Rajah 3.1	Prosedur Tatacara Kajian	56



SENARAI LAMPIRAN

Lampiran A	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian daripada Bahagian Perancangan Dasar dan Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia.
Lampiran B	Borang Soal Selidik Maklumat Demografi Guru
Lampiran C	Borang Soal selidik Pengetahuan Guru terhadap Penggunaan Ruang Landskap Sekolah dalam P&P
Lampiran D	Borang Soal selidik Amalan Guru terhadap Penggunaan Ruang Landskap Sekolah dalam P&P.
Lampiran E	Borang Soal selidik Kesedaran Guru terhadap Penggunaan Ruang Landskap Sekolah dalam P&P.
Lampiran F	Data Pengujian Statistik





BAB 1

PENDAHULUAN



1.0 Pengenalan

Pendidikan adalah bertujuan untuk membina masyarakat yang berkualiti. Masyarakat yang berkualiti terhasil daripada individu yang penyayang, bersopan santun serta mempunyai kesedaran mengenai kepentingan hidup yang sihat dan selesa. Sesebuah institusi pendidikan sewajarnya dapat menampung pertumbuhan diri pelajar dari segi intelek, emosi, rohani dan jasmani selaras dengan falsafah dan matlamat pendidikan negara.

Kepentingan sekolah juga perlu dilihat dari perspektif fizikalnya di mana persekitaran sekolah yang bersih, indah dan nyaman menjadi satu strategi penting bagi menjalin serta mengadun unsur-unsur nilai dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Sekolah merupakan tempat yang sesuai bagi menyematkan nilai-nilai



murni seperti menjaga keselamatan dan persekitaran sekeliling. Pemupukan nilai-nilai murni sedemikian kepada anak-anak kecil akan dapat mewujudkan generasi yang peka dalam mengurus alam sekitar.

Ahli konstruktivis berpendapat bahawa ilmu pengetahuan tidak boleh dipindahkan kepada murid-murid dalam bentuk yang serba sempurna melalui penerangan guru. Pembelajaran berlaku apabila murid melibatkan diri secara aktif untuk merangsang pengaliran input deria (hidu, lihat, rasa dan dengar) yang berterusan. Apabila input deria dihubungkan dengan struktur kognitif pelajar, kefahaman tentang pengetahuan baru akan berlaku. Salah satu kaedah bagi merangsang pengaliran input deria pelajar adalah melalui pengajaran dan pembelajaran di luar bilik darjah (Seminar Kebangsaan Projek PIER, 1996).

Pembentukan kegiatan pembelajaran di luar bilik darjah telah lama dijalankan di luar negara bagi membantu meningkatkan pembangunan pendidikan kanak-kanak. Sekolah Montessori Preschool yang terletak di Washington D.C Amerika Syarikat, adalah di antara sekolah yang berjaya mereka bentuk kawasan persekitaran sekolahnya untuk pembelajaran di luar kelas. Projek yang dijalankan tidak hanya tertumpu pada kegiatan kokurikulum sahaja tetapi turut memanfaatkan kawasan luar bilik darjah untuk pembelajaran semua mata pelajaran.

Hasil yang memberangsangkan juga dicapai oleh sekolah yang terletak di Indian Pipe Outdoor Technical School di Washington D.C Amerika Syarikat. Pendekatan pembelajaran di sekolah tersebut adalah berkisar tentang kegiatan membaiki pulih kawasan tanah pamah yang telah rosak akibat pembangunan yang pesat. Murid-murid sekolah ini dapat mempelajari ilmu pengetahuan baru mengenai habitat dan hidupan liar di tanah pamah. Kerjasama dan sokongan daripada guru-guru

sekolah tersebut menjadikan kegiatan ini lebih menarik. Guru-guru sekolah telah mengaplikasikan mata pelajaran sains, pendidikan seni serta geografi dengan melihat kepada kondisi persekitaran sekolah tersebut (Early Childhood News, 1998).

Di Malaysia, kajian mengenai keberkesanan ruang landskap sekolah dalam konteks pengajaran dan pembelajaran masih di peringkat awal. Namun hasil daripada kajian dan tinjauan yang telah dijalankan menunjukkan bahawa kesedaran mengenai keindahan dan keceriaan ruang landskap sekolah adalah semakin meningkat di kalangan guru-guru. Walau bagaimanapun keindahan sekolah tidak bermakna sekiranya guru-guru tidak menggunakan ruang tersebut untuk aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Menurut Stine (1997), guru-guru perlu mengetahui bahawa pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan di luar bilik darjah dapat meningkatkan kecergasan fizikal dan mental, memantapkan proses sosialisasi serta memupuk nilai murni dan semangat bekerjasama di kalangan pelajar. Guru bertanggungjawab untuk memilih pengalaman pembelajaran yang relevan dan sesuai dengan perkembangan kognitif pelajar. Seterusnya guru perlu merancang serta mengatur aktiviti-aktiviti yang dipilih agar penyampaiannya bermakna dan dapat mencetuskan pemikiran pelajar.

1.1 Latar belakang kajian

Kanak-kanak pada kebiasaannya banyak terdedah kepada persekitaran fizikal seperti di luar rumah, perkarangan sekolah dan kawasan kejiranan. Secara tidak langsung, kawasan ini menyokong kepada pembentukan identiti dan pemikiran mereka (Proshansky dan Fabian, 1987). Interaksi sosial, pembentukan pemikiran dan kefahaman tentang persekitaran (alam) merupakan pengalaman yang dirasai oleh kanak-kanak dalam ruang persekitaran (Wolfe dan Rivlin, 1987). Dalam proses pembelajaran, kanak-kanak perlu mengeksplorasi alam untuk mendapatkan pengetahuan tentang persekitaran dan belajar menghargainya (Hart, 1979). Kenyataan berikut jelas menunjukkan kepentingan ruang persekitaran fizikal kepada mental dan fizikal kepada kanak-kanak.

Potensi ruang luar bilik darjah yang lebih terbuka dan mengandungi pelbagai maklumat tentang alam akan memberikan ruang untuk pelajar mendalami persekitaran dalam proses pembelajaran. Stockard et al (1992), melaporkan bahawa berdasarkan kajian yang dijalankan di Amerika Syarikat menunjukkan bahawa 80 peratus murid tahun satu mempunyai konsep sendiri pembelajaran yang positif tetapi apabila berada di tahun enam, jumlah ini menurut kepada 20 peratus. Titman (1994) menyatakan, ruang persekitaran sekolah menjadi semakin penting memandangkan ruang ini adalah ruang yang selamat untuk diterokai oleh pelajar. Beliau turut menyatakan bahawa ruang persekitaran sekolah merupakan kawasan yang mempunyai kesan signifikan kepada perkembangan kanak-kanak, memandangkan mereka berada dalam lingkungan ruang ini.

Pembelajaran dikenali sebagai satu perubahan tingkah laku (Cagne, 1965). Pengajaran dikendalikan oleh guru dan pembelajaran dilakukan oleh murid. Jika murid telah mempelajari sesuatu, terdapat perubahan yang berlaku di dalam dirinya iaitu daripada tidak mengetahui kepada mengetahui sesuatu. Menurut Syarifah Alawiyah (1987), perubahan ini dikatakan perubahan perlakuan, perubahan pencapaian atau perubahan prestasi.

Untuk menjamin keberkesanan pengajaran dan pembelajaran, interaksi guru dengan murid adalah mustahak (Zaidatol, 1990). Bagi mendapatkan interaksi yang berkesan, guru hendaklah mengetahui pelbagai teknik atau gaya penyampaian yang sesuai dengan hasil pembelajaran, bahan pengajaran, kumpulan murid dan gaya pengajarannya. Nik Azis (1996) berpandangan, setiap murid perlu membina pengetahuan berdasarkan pengalaman. Manakala dalam membina pengalaman, empat aktiviti asas yang saling berkait iaitu penglibatan aktif, refleksi, renungan dan penghayatan. Menurut Gardner (1991), pendidikan di luar bilik darjah adalah berbeza dengan pendidikan di dalam kelas. Beliau menyifatkan bahawa seluruh persekitaran pelajar di luar bilik darjah dianggap sebagai sumber pengetahuan. Berdasarkan sumber tersebut, pelajar akan membuat eksplorasi dan secara tidak langsung ia memberi pengalaman pembelajaran yang menyeronokkan kepada pelajar.

Menurut Adams (1989), fungsi ruang landskap sekolah adalah untuk menyediakan peluang pembelajaran yang maksimum melalui pengalaman iaitu pembelajaran dengan eksperimentasi atau *learning by doing*. Berdasarkan pembelajaran luar bilik darjah, pelajar juga dapat menggunakan deria rasa dengar bau dan lihat untuk berinteraksi dengan persekitaran. Merrick (1989) menyatakan bahawa pembelajaran luar bilik darjah merupakan inovasi baru dalam bidang pendidikan.

Hasil kajian yang telah beliau jalankan menunjukkan bahawa ruang persekitaran sekolah mampu mempengaruhi sikap dan perilaku kanak-kanak.

Di Malaysia proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah, lazimnya bertumpu sepenuhnya di dalam kelas. Kaedah pembelajaran seperti guru mengajar dan murid hanya mendengar dan membuat latihan telah lama dipraktikkan di sekolah-sekolah rendah. Menurut Stine (1997), kaedah pembelajaran secara tradisional ini telah lama dipraktikkan di dalam kelas. Ini berbeza dengan pengajaran dan pembelajaran di luar kelas. Pelajar akan diberi peluang untuk membuat eksplorasi sendiri dan mereka belajar berdasarkan pengalaman dan pengamatannya.

Kenyataan yang telah dikeluarkan oleh White & Stoecklin (1998), menunjukkan bahawa persekitaran luar sekolah dapat membantu proses pengajaran dan pembelajaran. Ini terbukti apabila kanak-kanak lebih cepat memahami pelajaran yang diajar serta mampu meningkatkan ilmu pengetahuan apabila mereka berada di luar kelas. Di samping itu pengaplikasian pelajaran yang diajar kepada kanak-kanak dapat diterapkan di luar waktu persekolahan. Ini merupakan suatu prinsip yang boleh diterima pakai memandangkan pada peringkat pendidikan awal kanak-kanak lebih mudah belajar melalui bermain di luar kelas dan membawa kepada penemuan perkara-perkara baru (Early Childhood News, Mei/April 1998).

Penekanan kepada fungsi ruang luar bilik darjah dalam kajian ini adalah lebih menjurus kepada sekolah rendah. Pada peringkat ini, akan berlaku perubahan-perubahan yang penting dalam perkembangan awal mereka. Ini adalah selari dengan kenyataan Jean Piaget menerusi Teori Kognitif yang menyatakan bahawa kanak-kanak yang berusia 7 hingga 11 tahun berada di peringkat operasi konkrit. Pada peringkat ini, kanak-kanak telah menunjukkan pemahaman mereka dengan

memanipulasikan konsep dan idea yang terdapat di persekitaran mereka. Beliau memandang kecerdikan itu sebagai dasar kepada proses yang aktif di mana manusia dapat memperoleh maklumat daripada interaksi dengan bahan dan objek yang terdapat di persekitaran mereka (Nordin, 2005). Pada peringkat ini juga, kanak-kanak telah mencapai fungsi kognitif, emosi, sosial serta fizikal. Perubahan ini berkaitan dengan interaksi yang kompleks iaitu antara struktur dalaman dan fikiran kanak-kanak serta pengalaman mereka dengan persekitaran fizikal dan sosial (Nor Hashimah & Yahya, 2003).

Menurut Nor Hashimah & Yahya (2003) lagi, kanak-kanak prasekolah ataupun sekolah rendah secara biologi lebih cenderung mengembangkan kemahiran motor asas seperti menangkap, membaling, melompat dan berlari. Kemudian kanak-kanak ini akan menggabungkan kemahiran tersebut dengan kemahiran yang lebih kompleks. Pada tahap ini kebanyakan kanak-kanak dapat menerima pengajaran dan sanggup menghabiskan banyak masa dengan aktiviti fizikal yang dapat meningkatkan kemahiran mereka.

Ini adalah selari dengan kajian yang dijalankan oleh Stine (1997) di Elementary School Pasadena, California yang menunjukkan kanak-kanak memerlukan ruang luar di persekitaran sekolah untuk belajar serta menerapkan pelajaran yang diajar dengan lebih berkesan, di samping berinteraksi antara guru dan juga antara rakan-rakan. Menurut Stine lagi, kanak-kanak pada peringkat umur 7 hingga 12 tahun difikirkan cukup matang serta berani untuk menerokai dan mempelajari perkara baru. Naluri ingin tahu kanak-kanak juga kuat pada waktu mereka mencapai tahap umur 11 ke 12 tahun. Pada peringkat umur ini juga mereka boleh memberikan pendapat mengenai ruang yang mereka ingini untuk belajar. Menurut Henry (1995), seorang

arkitek menyatakan kanak-kanak pada peringkat 7 – 12 tahun memerlukan ruang luar yang direka bentuk dengan saiz yang bersesuaian untuk memenuhi peningkatan tingkah laku dan perkembangan pemikiran mereka.

1.2 Penyataan Masalah

Pembelajaran di Malaysia lazimnya dijalankan di dalam bilik darjah dan jarang dijalankan di luar bilik darjah. Hasil kajian yang dijalankan oleh Abdul Rahim et.al (1990) menunjukkan bahawa para pendidik masih lagi menggunakan bahan-bahan seperti buku teks, papan kapur, buku nota serta kaedah 'talk and talk' dan 'chalk and talk' dalam pengajaran sehari-hari. Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh UNESCO (1996), kebanyakan negara di Asia termasuk Malaysia kaedah pengajaran yang dijalankan masih bersifat autokratik, formal dan tradisional. Pengajaran sehala melibatkan hanya guru yang bercakap, membaca dan memberi nota kuliah manakala pelajar pula sebagai peserta yang pasif masih berlaku dalam proses pengajaran dan pembelajaran di negara kita.

Hasil kajian yang dijalankan oleh Department for Education and Employment (DfEE, 1999) menunjukkan bahawa persekitaran sekolah boleh digunakan dengan berkesan untuk mengajar mata pelajaran seperti Sains, Geografi, Pendidikan Seni, Muzik dan sebagainya. Daripada kenyataan tersebut juga, mereka mengandaikan bahawa terdapat juga mata pelajaran yang perlu dijalankan di dalam kelas. Ini kerana sesetengah mata pelajaran memerlukan disiplin serta suasana persekitaran yang lebih formal. Suasana pembelajaran di dalam bilik darjah juga perlu untuk mendisiplinkan kanak-kanak serta mengawal penumpuan mereka.

Kajian telah membuktikan bahawa perasaan manusia dan tindak balas manusia terhadap alam persekitaran memberikan kesan seperti meningkatkan daya ingatan, mendorong kepada penyelesaian masalah dan perwujudan idea-idea yang kreatif (Ulrich, 1993). Beliau turut menyatakan, hubung kait antara manusia dengan alam semula jadi juga memainkan peranan penting dalam bidang pendidikan. Beliau berpendapat bahawa ruang landskap sekolah merupakan ruang persekitaran semula jadi yang paling hampir dengan kanak-kanak. Oleh itu, pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan persekitaran semula jadi seperti di kawasan persekitaran sekolah dapat membantu kanak-kanak memahami pelajaran yang diajar dengan lebih mudah. Pemupukan nilai-nilai murni di kalangan kanak-kanak dapat diterapkan seperti menghormati dan menghargai alam sekitar.

Ismail (1998) berpendapat bahawa pelajar harus diberi peluang untuk melibatkan diri sepenuhnya dalam menentukan matlamat pembelajaran supaya menjadi lebih bermakna di samping melatih mereka menggunakan pengamatannya sendiri selaras dengan pertumbuhan pemikiran yang terdapat pada setiap individu. Oleh itu, kurikulum berpusat kepada pelajar haruslah digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran.

Setiap pelajar mempunyai kecerdasan yang berlainan. Sebagai contoh, terdapat pelajar yang suka mencari makna atau sebab sesuatu maklumat di samping membuat analisis serta uji kaji bagi memperoleh bukti untuk menyokong maklumat tersebut. Oleh itu, seseorang guru perlulah menghargai dan menghormati pelajar-pelajar yang berbeza dalam kecerdasan dan gaya pembelajaran.

Pada umumnya kesedaran mengenai kepentingan ruang landskap sekolah dapat dilihat di setiap peringkat institusi pendidikan. Dengan penekanan yang diberikan oleh



kerajaan dan Kementerian Pendidikan, aktiviti keceriaan sekolah telah giat dijalankan. Terdapat sekolah yang mempunyai ruang landskap dan dipenuhi taman-taman menarik dengan dihiasi tumbuh-tumbuhan serta bunga-bunga yang berwarna-warni. Namun, adakah ruang ini dimanfaatkan oleh guru-guru dan para pelajar dalam pengajaran dan pembelajaran atau sekadar menjadi ‘penyejuk mata?’ Adakah guru-guru menggunakan ruang landskap yang dihias indah ini untuk memberi pengalaman pembelajaran yang dapat menggembirakan kanak-kanak? Adakah guru-guru mengetahui ruang landskap sekolah boleh dijadikan ‘bilik darjah’ terbuka dalam pengajaran? Adakah guru-guru mengetahui ruang landskap sekolah dapat memupuk nilai murni di kalangan pelajar?

Selaras dengan itu, kajian ini dijalankan untuk meneroka sejauh manakah guru-guru sekolah rendah mempunyai pengetahuan dan sikap yang positif terhadap fungsi ruang landskap di sekolah dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Kajian ini juga perlu dilakukan untuk mengetahui bagaimanakah guru-guru memanfaatkan dan menggunakan ruang landskap sekolah dalam proses pengajaran dan pembelajaran.



1.3 Objektif Kajian

1.3.1 Objektif Umum

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap pengetahuan dan kesedaran guru-guru menggunakan ruang landskap sekolah dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Kajian ini juga turut melihat kepada kekerapan penggunaan ruang landskap sekolah serta aktiviti pembelajaran yang melibatkan ruang luar bilik darjah oleh guru-guru sekolah rendah.

1.3.2 Objektif Khusus

Objektif khusus kajian ini adalah untuk :-

- i. Mengetahui penggunaan ruang landskap sekolah di kalangan guru sekolah rendah dalam proses pengajaran dan pembelajaran.
- ii. Mengetahui tahap pengetahuan guru terhadap kepentingan penggunaan ruang landskap sekolah dalam pengajaran dan pembelajaran.
- iii. Mengetahui tahap kesedaran guru terhadap kepentingan penggunaan ruang landskap sekolah dalam proses pengajaran dan pembelajaran.
- iv. Mengetahui hubungan antara tahap pengetahuan dan kesedaran guru dengan kekerapan penggunaan ruang landskap sekolah dalam pengajaran dan pembelajaran.



1.4 Persoalan Kajian

Berdasarkan objektif yang dinyatakan di atas, soal selidik dibentuk bagi mendapatkan persepsi responden mengenai persoalan yang dikemukakan. Kajian ini akan menjawab persoalan-persoalan berikut :-

- i. Adakah guru-guru menggunakan ruang landskap sekolah dalam pengajaran dan pembelajaran?
- ii. Apakah tahap pengetahuan guru terhadap penggunaan ruang landskap sekolah dalam pengajaran dan pembelajaran?
- iii. Adakah guru-guru menyedari tentang kepentingan menggunakan ruang landskap sekolah dalam pengajaran dan pembelajaran?
- iv.  Apakah terdapat hubungan di antara pengalaman mengajar guru dengan pengetahuan terhadap penggunaan ruang landskap sekolah dalam pengajaran dan pembelajaran?
- v. Apakah terdapat hubungan di antara kelayakan akademik guru dengan kesedaran terhadap penggunaan ruang landskap sekolah dalam pengajaran dan pembelajaran?
- vi. Apakah terdapat hubungan di antara pengalaman mengajar guru dengan kesedaran terhadap penggunaan ruang landskap sekolah dalam pengajaran dan pembelajaran?



1.5 Kepentingan Kajian

Walaupun pengajaran dan pembelajaran di luar bilik darjah bukan lagi merupakan idea terkini dalam konteks pendidikan secara global, namun di Malaysia ianya merupakan satu pendekatan pembelajaran yang baru. Ini terbukti apabila kajian atau penyelidikan mengenai keberkesanannya masih lagi terhad di negara kita. Berbeza dengan negara barat khususnya di Amerika Syarikat, *learning through landscapes* ini telah pun direalisasikan di institusi-institusi pendidikan dan keberkesanannya telah pun dikaji (Kaplan, 1989).

Memahami secara mendalam mengenai pengetahuan, amalan dan sikap guru menggunakan ruang landskap sekolah dalam proses pengajaran dan pembelajaran adalah satu usaha yang menguntungkan. Dengan itu, ruang landskap yang selamat, ceria dan bersih akan digunakan oleh guru-guru untuk mengenengahkan pengetahuan baru untuk diterapkan kepada para pelajar. Menurut (Nordin, 2005), perancangan aktiviti pembelajaran yang baik serta persekitaran yang menarik akan memberi galakkan atau stimulasi kepada kanak-kanak. Mengetahui potensi ruang persekitaran fizikal sekolah akan membolehkan guru-guru mengetengahkan pembelajaran secara aktif dan yang membolehkan pelajar meneroka dan mempelajari persekitaran mereka. Dengan ini, para pelajar akan lebih menghargai persekitaran, memantapkan kecergasan fizikal dan minda, mengukuhkan proses sosialisasi dan semangat berkumpul serta membentuk sikap berdikari dan berdaya saing.

Justeru itu, kajian ini diharapkan dapat memberi maklumat yang berguna kepada pihak pengurusan sekolah, guru-guru sekolah rendah dan arkitek landskap dalam:



- i. Memastikan terdapat kawasan lapang (*green area*) yang mencukupi bagi menampung keperluan pembelajaran dan rekreasi aktif atau pasif pelajar.
- ii. Memastikan ruang landskap sekolah dimanfaatkan sepenuhnya oleh pihak sekolah khususnya para guru dan pelajar, bukan sahaja untuk tujuan keceriaan tetapi fungsinya dalam proses pengajaran dan pembelajaran.
- iii. Merancang aktiviti pengajaran dan pembelajaran di luar bilik darjah dengan memaksimumkan penggunaan elemen semula jadi dan buatan manusia yang terdapat di persekitaran sekolah.
- iv. Menjadi panduan asas dalam pembentukan Garis Panduan Reka bentuk Landskap Sekolah.



Oleh itu, adalah penting bagi pihak Kementerian Pendidikan untuk mengetahui persepsi guru-guru agar reka bentuk persekitaran sekolah yang bersesuaian dengan keperluan pengajaran dan pembelajaran dapat diketengahkan.

1.6 Definisi Operasional

1.6.1 Pengetahuan

Secara umumnya, pengetahuan berkait rapat dengan struktur kognitif seseorang individu (Sharifah 2000). Dalam kajian ini, pengetahuan melibatkan pemahaman guru terhadap peranan atau fungsi ruang landskap sekolah dalam pengajaran dan pembelajaran. Ini merangkumi pengetahuan guru terhadap teori perkembangan kanak-kanak serta konsep dan prinsip pendidikan.





1.6.2 Kesedaran

Dalam kajian ini kesedaran merujuk kepada keperihatinan responden terhadap peranan dan fungsi ruang landskap sekolah dalam pengajaran dan pembelajaran di luar bilik darjah.

1.6.3 Ruang Landskap Sekolah

Ruang Landskap Sekolah merujuk kepada kawasan persekitaran fizikal sekolah yang merangkumi padang permainan, taman-taman sekolah, kawasan lapang, kaki lima atau siar kaki, ruang antara bangunan, ruang belakang sekolah, *courtyard* atau lanai dan disempadani oleh pagar sekolah.



1.6.4 Pengajaran dan Pembelajaran

Dalam kajian ini, pengajaran dan pembelajaran merujuk kepada aktiviti pembelajaran yang dijalankan oleh guru melibatkan penggunaan ruang landskap sekolah. Aktiviti-aktiviti ini dijalankan menggunakan kelima-lima deria dengan memanipulasi elemen alam semula jadi dan buatan manusia yang terdapat di persekitaran sekolah sebagai sumber pengetahuan.

1.6.5 Kelayakan Akademik

Kelayakan akademik merujuk kepada kelulusan yang diperolehi dalam bidang akademik.





1.4.6 Pengalaman Mengajar

Pengalaman mengajar merujuk kepada bilangan tahun seseorang guru mengajar di mana-mana sekolah kerajaan.

1.7 Batasan Kajian

Kajian ini hanya terbatas kepada guru-guru di 4 buah sekolah rendah di sekitar Lembah Klang yang pernah memenangi Pertandingan Keselamatan, Kebersihan dan Keindahan Alam Sekitar (3K) anjuran Bahagian Sekolah dan Kementerian Pendidikan Malaysia. Hasil kajian ini hanya terbatas kepada populasi kajian dan tidak boleh digeneralisasikan kepada semua guru-guru di Malaysia. Ketepatan kajian ini juga bergantung kepada kejujuran dan keterbukaan responden kajian dalam memberikan pendapat mereka.





1.8 Rumusan

Kanak-kanak memerlukan dan lebih menggunakan ruang berbanding golongan dewasa. Disebabkan mereka mempunyai sifat ingin tahu dan ingin mencuba serta perlu membesar dengan sihat dan kuat maka ruang yang mencukupi haruslah disediakan supaya mereka dapat memaksimumkan kapasiti pembentukan mereka dalam usia yang muda.

Oleh yang demikian, kanak-kanak perlu dibimbing dalam aktiviti-aktiviti pembelajaran yang menjurus ke arah pemahaman alam persekitaran mereka. Ini merupakan tugas terpenting guru untuk mencipta persekitaran pembelajaran yang menggalakkan selain merangsang pemikiran mereka.

Dalam bab ini, pengkaji membincang dan menghuraikan permasalahan, objektif dan persoalan kajian. Bab seterusnya akan membincangkan tentang kajian literatur merangkumi teori-teori tentang kepentingan dan kebaikan pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan ruang landskap sekolah.

